

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, August 19, 2019 4:57 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Staf Dan Pelajar SCIMPA Sertai Projek Pameran Raja Kita



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 OGOS 2019 / 18 ZULHIJAH 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: SCIMPA

STAF DAN PELAJAR SCIMPA SERTA PROJEK PAMERAN RAJA KITA



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) telah berpeluang menyertai Pameran Raja Kita yang bermula 5 Ogos lalu hingga 5 November depan.

Pameran bertujuan memberi kefahaman berhubung institusi raja merangkumi bidang tugas, personaliti dan latar belakang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Ketua projek, Prof. Madya Dr. Ruzinoor Che Mat berkata, pameran anjuran Jabatan Muzium Malaysia itu mengetengahkan dan mengangkat Institusi Yang di-Pertuan Agong dan konsep Raja Berperlembagaan dalam sistem pemerintahan demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini.

Menurutnya, SCIMPA telah menerima jemputan Jabatan Muzium Malaysia bagi turut serta menjayakan pameran yang berlangsung selama tiga bulan itu.

Katanya, pameran kali ini adalah berbeza kerana banyak menggunakan teknologi terkini seperti penggunaan 180 darjah skrin LED, teknologi augmented reality (AR), hologram dan teknologi projeksi terkini (*Interactive Wall* dan panel paparan besar).

“Staf dan pelajar SCIMPA terlibat dalam membangunkan Mobile AR, *Interactive Wall* dan video biografi yang mana aplikasi Mobile AR dibina bagi membantu pengunjung memahami dengan lebih lanjut mengenai artifak yang dipamerkan dalam pameran ini, manakala panel *Interactive Wall* pula membolehkan pengunjung berinteraksi dengan *Interactive Wall* untuk memahami dengan lebih mendalam sejarah hubungan di antara Kesultanan Pahang dan Johor.

“Video biografi pula mengisahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang dibina untuk paparan di skrin LED besar 180 darjah,” katanya.

Dr. Ruzinoor berkata, pengalaman terlibat dengan projek yang berprestij tinggi itu memberi makna kepada warga SCIMPA dan berharap akan dapat memberi suntikan semangat kepada semua staf dan pelajar SCIMPA untuk lebih berdaya maju pada masa hadapan.

Selain itu, menurutnya, SCIMPA kini dalam perancangan untuk menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Muzium Malaysia bagi membolehkan kedua pihak memperoleh manfaat.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.